

28 OCT 2003

Mahathir-Senat/I

MALAYSIA TIDAK KISAH DENGAN SEKATAN BANTUAN OLEH AS - DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 28 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia tidak kisah dengan laporan mengenai tindakan Senat Amerika Syarikat (AS) untuk mengenakan sekatan bantuan latihan ketenteraan AS ke negara ini.

Perdana Menteri berkata kemarahan yang timbul berhubung kenyataan beliau mengenai orang Yahudi baru-baru ini telah mendorong Senat AS mengambil tindakan sedemikian.

"Sebenarnya mereka amat marah dengan apa yang saya katakan mengenai orang Yahudi. Ini lah reaksi mereka. Jadi apa yang saya katakan adalah betul," katanya kepada pemberita selepas menghadiri satu majlis di pejabatnya di sini.

Dilaporkan Senat AS sebulat suara bersetuju untuk menyekat bantuan latihan ketenteraan US\$1.2 juta (US\$1=RM3.80) ke Malaysia sehingga Setiausaha Negara AS Colin Powell menetapkan bahawa Malaysia menyokong dan menggalakkan kebebasan beragama bagi semua termasuk orang Yahudi.

Dr Mahathir, yang akan bersara pada Jumaat ini, dikutuk oleh pemimpin-pemimpin Barat dan Eropah berhubung kenyataan beliau bahawa Yahudi menguasai dunia dengan menggunakan proksi pada Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam ke-10 di sini baru-baru ini.

Mengenai tindakan yang diambil oleh Senat itu, beliau berkata Malaysia boleh mendapatkan US\$1 juta dari dalam negara sendiri dan ia juga tidak perlukan latihan berkenaan.

Dr Mahathir berkata Senat AS, melalui tindakannya itu, mahu menunjukkan kuasanya kepada dunia.

Dengan sinis beliau berkata: "Kita semua dikuasai oleh Senat AS, anda tahu. Tiada gunanya kita mengadakan pilihan raya kita sendiri. Lebih baik kita pilih (perwakilan) dalam pilihan raya AS dan dengan itu kita dapat pastikan yang kita memilih wakil yang betul."

Perdana Menteri berkata sekatan seumpama itu pernah dikenakan sebelum ini dan ia tidak membawa sebarang perbezaan kepada Malaysia pada waktu itu.

"Kita tidak bergantung pada latihan itu," katanya.

-- BERNAMA

MAM MAM AAM RHM